

13/08/2000

Ziarah 3,000 koleksi PM

Wan Jailani Razak

PULAU Langkawi bukan saja menjanjikan pusat tumpuan menarik dengan tempat penginapan bertaraf antarabangsa, malah memberi peluang pengunjung menimba ilmu dan pengalaman mengenai pelbagai perkara berkaitan sejarah, geografi, kehidupan binatang dan adat resam hidup masyarakat tempatan.

Salah satu tempat tumpuan yang kini sudah dikunjungi lebih 700,000 orang ialah Galeria Perdana di Kampung Sungai Kilim di pulau itu. Galeria itu menghimpunkan lebih 3,000 koleksi milik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diterima daripada pemimpin luar negara dan masyarakat tempatan.

Pelbagai pengalaman menarik jika anda memasukinya dengan bayaran RM3 dan RM1 bagi kanak-kanak. Sewaktu mengunjungi galeria itu baru-baru ini, terdengar seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun bertanya kepada bapanya: "Kenapa orang beri banyak hadiah kepada Dr Mahathir?".

Bapanya secara spontan menjawab: "Sebab orang suka dan hormat Dr Mahathir." Ringkas jawapannya dan sudah cukup untuk difahami anaknya yang mungkin belum mengerti di sebalik jawapan itu.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhammad, berkata galeri itu dibina pada 1995, bertujuan mempamerkan anugerah dan cenderamata yang dihadaikan kepada Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah oleh pemimpin dunia serta masyarakat Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada beliau dan negara.

"Perdana Menteri pernah menyatakan semua koleksi itu bukan milik peribadi tetapi hak kerajaan dan rakyat Malaysia. Justeru, menjadi harapan beliau dengan adanya pameran ini, pelawat dapat menikmati serta menghayati keunikan, kekayaan seni dan budaya sesuatu bangsa di dunia," katanya.

Pameran yang kini menempatkan lebih 3,000 koleksi itu juga merakamkan penghargaan Dr Mahathir kepada semua lapisan masyarakat yang menghadaikan cenderamata itu kepada beliau dan isteri.

Pelancong asing pastinya bangga apabila menyaksikan hadiah yang dipamerkan adalah daripada negara mereka.

Mahani berkata, reka bentuk galeri itu adalah gabungan dua bangunan dua tingkat yang bercirikan seni bina oriental.

Pameran di Galeria Perdana, katanya, diatur teliti dan persembahan koleksi mengikut jenis bahan bertujuan mewujudkan satu senario penting mengenai nilai warisan kesenian dan kebudayaan daripada beberapa negara.

Galeri yang diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu mampu menempatkan lebih 8,000 koleksi.

Tinjauan di aras bawah blok A, mendapati bahagian itu mempamerkan hadiah yang diperbuat daripada kayu, kulit, kristal, laker, alat muzik dan bahan pelbagai jenis batu.

Sementara aras pertama, koleksi di situ terdiri daripada tekstil, alat permainan, senjata, seramik, plak dan koleksi kesenian Islam.

Pameran sembilan kereta pula letaknya di ruang laluan yang menghubungkan kedua-dua bangunan dan di ruang foyer Blok B.

Di aras bawah Blok B, terdapat koleksi daripada jenis logam seperti emas salut perak, tembaga, tembaga putih, besi dan pewter. Anugerah dari dalam dan luar negara juga dipamerkan di bahagian itu.

Di aras pertama ada pelbagai jenis koleksi seperti tekstil, perak, kraftangan, seramik, kaca dan logam serta anugerah khas untuk Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Lokasi Galeria Perdana di Kampung Sungai Kilim, kira-kira 11 kilometer dari pekan Kuah, bukan saja masih kekal dengan keindahan alam semula jadi,

malah ia turut diserikan dengan persekitaran yang menarik dengan lanskap daripada pelbagai jenis tumbuhan herba.

(END)